



# ANUGERAH HARI BELIA KEBANGSAAN 2020

## BORANG PENCALONAN PROJEK CEMERLANG UNTUK BELIA

Kategori ini merupakan pengiktirafan bagi projek-projek belia yang berjaya menjadi inspirasi dan model kepada pembangunan masyarakat secara am dan khususnya kepada para belia di dalam pelbagai bidang. Selain daripada itu projek-projek ini akan menjadi inovasi sosial yang akan membangun dan memajukan sesebuah organisasi atau persatuan selaras dengan konsep Negara Melayu Islam Beraja (MIB).

### 1. Syarat-syarat layak pencalonan:

- a) Projek yang dicalonkan hendaklah yang telah dilaksanakan oleh organisasi atau pergerakan dan agensi belia yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b) Borang pencalonan yang telah disediakan oleh pihak pengajur boleh di dapat dengan melayari laman sesawang Hari Belia Kebangsaan ([www.hbk.gov.bn](http://www.hbk.gov.bn)) atau YSNet ([www.ysnet.gov.bn](http://www.ysnet.gov.bn)).
- c) Setiap calon dikehendaki mengisikan borang yang disediakan dan menyertakan dokumen yang dikehendaki melalui link yang diberikan. **Borang pencalonan yang tidak lengkap akan ditolak.**
- d) Pencalonan akan **dibukakan bermula pada hari Sabtu, 13 Jun 2020** dan **tarikh tutup pencalonan pada hari Khamis, 27 Jun 2020**.
- e) Pihak Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah Hari Belia Kebangsaan berhak menolak sebarang pencalonan tanpa perlu memberikan sebarang penjelasan.

### 2. Arah Am / Makluman:

- a) Dokumen-dokumen hendaklah dihantar melalui e-mel [anugerahharibeliakebangsaan@gmail.com](mailto:anugerahharibeliakebangsaan@gmail.com) dalam bentuk *softcopy/scanned*:
  - i. Salinan Sijil Pendaftaran Pergerakan/ Organisasi (Jika ada)
  - ii. Laporan penuh mengenai projek-projek yang diadakan
  - iii. Dokumen sokongan mengenai pencapaian projek
  - iv. Surat sokongan dan ulasan daripada pihak yang mencalonkan  
Gambar calon yang terkini untuk kegunaan media (*Menggunakan resolusi berkualiti tinggi*).

**Borang Pencalonan  
Projek Cemerlang Untuk Belia**

---

- b) Subjek E-mel hendaklah dihantar dengan format berikut:-  
➤ **Kod Kategori Anugerah [no. Kad Pengenalan Pintar Calon]**  
Contoh: PCUB [00-000000]
- c) Setiap calon adalah dikehendaki untuk
- Mendaftarkan diri ke dalam YSNet dengan menggunakan akaun e-Darussalam;
  - Klik pada **Program - Memohon Program**, pilih nama anugerah yang hendak dipohon dan klik 'Daftar' seterusnya klik 'Daftar Sekarang';
- d) Pemohon (calon) dikehendaki untuk membuat satu pembentangan mengenai projek jika perlu. (*Menggunakan MS Powerpoint atau yang sebanding denganannya*).

**3. Kriteria Pencalonan:**

- Mempunyai potensi dalam mewujudkan peluang pekerjaan.
- Berkeupayaan dalam menyumbang kepada matlamat pembangunan negara.
- Mempunyai faedah yang jelas mahupun secara langsung atau tidak langsung dari sudut berikut:-
  - Objektif projek (*output*)
  - Faedah jangka sederhana projek (*outcome*)
  - Faedah jangka panjang projek (*impact*)
- Projek menjadi keutamaan kepada pembangunan belia.
- Projek memberi kesan kepada golongan sasar dalam jumlah yang besar.